

12 AUG 2002

Timor-Lawatan (Bergambar)

PERDANA MENTERI TIMOR LOROSAE MULAKAN LAWATAN LIMA HARI KE MALAYSIA

PUTRAJAYA, 12 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Timor Lorosae Dr Mari Bim Amude Alkatiri yang tiba semalam untuk lawatan rasmi lima hari, diberi sambutan di Dataran Putra di sini hari ini.

Ketibaan beliau disambut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Alkatiri kemudian menerima tabik hormat daripada tiga pegawai dan 104 anggota lain-lain pangkat Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja Malaysia (RAMD), diketuai Mejar Mohd Ariffin Saimun.

Alkatiri yang mengetuai delegasi seramai 27 orang, termasuk 17 ahli perniagaan, kemudiannya mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir.

Kedua-dua pemimpin itu kemudiannya mengetuai delegasi masing-masing mengadakan mesyuarat dua hala yang antara lain akan menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Pemansuhan Sebahagian Visa.

Lawatan ini merupakan yang pertama bagi Perdana Menteri Timor Larosae yang sebelum ini dikenali sebagai Timor Timur yang mencapai kemerdekaan pada 20 Mei lepas.

Turut serta dalam delegasi itu ialah Menteri Hal Ehwal dan Kerjasama Dr Jose Ramos Horta, Menteri Kewangan dan Perancangan Dr Maria Madalena Boavida dan Setiausaha Negara bagi Majlis Menteri-menteri Dr Grijorio Sousa.

Alkatiri dijangka melawat Unit Perancangan Ekonomi (UPEN) dan Menara Berkembar Petronas KLCC sebelum menghadiri jamuan malam di Seri Perdana malam ini.

-- BERNAMA

HK AT AZZ LAT